




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

6 JANUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 245 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 241,905 kes. Dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Beaufort dan Kudat. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 198 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 234,675 orang. Manakala 743 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 408 orang di hospital, 332 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, dua (2) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 27 orang merangkumi 26 di ICU/repurposed kritikal care serta satu (1) di open ward (*HDW/kubikel akut*) dan 16 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit stage empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 24 (25.26%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tongod berubah dari zon jingga ke zon kuning.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lapan (8) daerah.
- Zon Jingga tiga (3) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Negeri Sabah mencatatkan 245 kes pada hari ini yakni dengan sedikit penurunan sebanyak 35 kes berbanding semalam.
- b. Kota Kinabalu mencatatkan kes tertinggi dengan 43 kes diikuti oleh Tuaran dengan 33 kes. Sebanyak tujuh (7) daerah lagi merekodkan kes pada kadar dua (2) angka, 16 daerah pada kadar satu (1) angka dan dua (2) lagi daerah tidak merekodkan sebarang kes baru.
- c. Sejumlah 13 daerah mencatatkan penambahan kes namun tidak ada daerah yang menunjukkan peningkatan ketara. Di kalangan 12 daerah yang mencatat penurunan, terdapat tiga (3) daerah yang menunjukkan penurunan agak besar, iaitu Kota Belud -24 kes, Keningau -12 kes dan Putatan -10 kes. Hanya dua (2) daerah kekal sebagaimana catatan semalam.
- d. Sejumlah 242 daripada 245 kes pada hari ini berada dalam Kategori 1 dan 2. Terdapat tiga (3) kes dalam Kategori 3, manakala tidak ada kes yang direkodkan dalam Kategori 4 dan 5.
- e. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (114) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Bergejala	109	44.49%
3	Kontak	114	46.53%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	22	8.97%
JUMLAH		245	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (5 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 5/01/2022	Catatan Kes 6/01/2022	Perbandingan
1	Beaufort	9	18	+9
2	Nabawan	0	8	+8
3	Papar	9	15	+6
4	Tawau	4	10	+6
5	Semporna	0	4	+4
6	Penampang	13	16	+3
7	Pitas	2	5	+3
8	Kalabakan	0	3	+3
9	Kota Kinabalu	41	43	+2
10	Tongod	1	3	+2
11	Sipitang	6	7	+1
12	Beluran	3	4	+1
13	Kudat	1	2	+1
14	Tambunan	10	10	Mendatar
15	Kunak	1	1	Mendatar
16	Kota Belud	41	17	-24
17	Keningau	18	6	-12
18	Putatan	18	8	-10
19	Kuala Penyu	13	4	-9
20	Tuaran	40	33	-7
21	Sandakan	11	6	-5
22	Kota Marudu	11	6	-5
23	Lahad Datu	4	0	-4
24	Tenom	7	4	-3
25	Telupid	4	2	-2
26	Kinabatangan	2	0	-2
27	Ranau	11	10	-1
JUMLAH		280	245	-35

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (23 Disember – 5 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	19	20	0	4	43	458
Tuaran	0	27	5	0	1	33	344
Beaufort	0	7	9	0	2	18	108
Kota Belud	0	4	11	0	2	17	235
Penampang	0	8	8	0	0	16	256
Papar	0	7	8	0	0	15	129
Ranau	0	6	3	0	1	10	200
Tambunan	0	4	3	0	3	10	73
Tawau	0	8	1	0	1	10	51
Putatan	0	6	1	0	1	8	120
Nabawan	0	2	5	0	1	8	16
Sipitang	0	0	6	0	1	7	49
Keningau	0	2	4	0	0	6	118
Kota Marudu	0	3	2	0	1	6	86
Sandakan	0	0	4	0	2	6	50
Pitas	0	1	4	0	0	5	12
Kuala Penyu	0	3	1	0	0	4	72
Tenom	0	1	2	0	1	4	52
Beluran	0	2	1	0	1	4	31
Semporna	0	0	4	0	0	4	5
Tongod	0	0	3	0	0	3	20
Kalabakan	0	2	1	0	0	3	4
Telupid	0	0	2	0	0	2	15
Kudat	0	2	0	0	0	2	30
Kunak	0	0	1	0	0	1	4
Lahad Datu	0	0	0	0	0	0	22
Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	15
JUMLAH	0	114	109	0	22	245	2,575

- 6 Tiada kluster baharu direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 4,149 unit
- Hospital 1,262 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,697 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 17.91%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 6 JANUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	241
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	3
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	245

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Arab Saudi	2
Emiriah Arab Bersatu	1
Jumlah	3

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	239
Bukan Malaysia	6
Jumlah	245

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	43
Belum Menerima Vaksin	13
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	179
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	10
Jumlah	245

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	2
1 to 5	18
6 to 11	23
12 to 17	16
18 to 25	37
26 to 59	122
>60	27
Jumlah	245

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 05 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 7,920 orang. Daripada jumlah ini, seramai 7,726 orang adalah penduduk dewasa dan 194 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 05 Januari 2022 adalah seramai 2,450,047 orang. Ini meliputi 2,113,594 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.62% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,405,040 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,093,386 orang atau 75.89% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 336,453 orang atau 77.52% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 311,654 atau 71.81% orang setakat ini.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **679,896** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

**E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH,
PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 7,156 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 44 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 108 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 967 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu satu (1) di daerah Tawau dan (1) di daerah Lahad Datu. Tiada kompaun dikeluarkan.
 - ii DBKK telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 598 premis perniagaan dan 1260 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan premis gagal menyediakan peralatan / merekod butiran diri pelanggan di Super Delight Restoran, Segama. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 232 Premis Perniagaan melibatkan 115 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 64 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.

- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 78 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.2 %**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.3%
2	Beluran	98.3%
3	Tenom	98.3%
4	Kota Marudu	98.3%
5	Keningau	98.3%
6	Sipitang	98.2%
7	Kudat	98.2%
8	Tuaran	98.2%
9	Beaufort	98.2%
10	Kota Belud	98.2%
11	Lahad Datu	98.1%
12	Ranau	98.1%
13	Semporna	98.1%
14	Kinabatangan	98.1%
15	Kota Kinabalu	98%
16	Papar	98%
17	Penampang	98%
18	Tawau	98%
19	Sandakan	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II